

NO. SOALAN : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 21 MAC 2018
[RABU]
DARIPADA : YB PROF DR ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]
SOALAN :

YB PROF DR ISMAIL BIN DAUT minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai adakah projek perumahan rakyat dapat membantu golongan B40.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan kerajaan persekutuan bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat. Di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Projek Perumahan Rakyat (PPR) diwujudkan khususnya untuk membantu golongan B40, bermula sejak tahun 2001.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat dua (2) kategori PPR yang dilaksanakan oleh Kementerian iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki. Bagi PPR Disewa, Kerajaan menawarkan rumah PPR untuk sewaan pada kadar RM 124 sebulan manakala bagi PPR Dimiliki, harga jualan rumah adalah pada harga RM35,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM42,000 bagi Sabah dan Sarawak. Harga sewaan dan jualan rumah PPR yang rendah ini dapat meringankan beban golongan B40 khasnya untuk menyewa dan membeli rumah PPR, khususnya di kawasan bandar.

9

Sehingga 31 Disember 2017 sebanyak **75,405** keluarga dari golongan **B40** berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan telah **mendapat manfaat daripada pelaksanaan PPR.**

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018